



Halaman 2

- Pengurusan Tertinggi Universiti Darul Iman Malaysia
- Sidang Pengarang
- Retreat Pengurusan Tertinggi Bersama Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab UDM, 23-25 Januari 2010, Kuala Terengganu

Halaman 3

- Rencana

Halaman 5

- Lawatan Dr. Costaz Karatzas
- Sumbangan BIMB
- MOU dengan Kementerian Kesihatan Malaysia

Halaman 6

- Pengajaran dan Pembelajaran

Halaman 7

- Program Khidmat Masyarakat

Halaman 8

- Penyelidikan, Seminar dan Bengkel

Halaman 12

- Perpustakaan UDM

Halaman 13

- Fokus Fakulti

Halaman 15

- The Visiting Falcon

Retreat

Pembangunan Akademik UDM



*Retreat Pengurusan Tertinggi Bersama Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab UDM,
23-25 Januari 2010, Kuala Terengganu*

Pengurusan Tertinggi Universiti Darul Iman Malaysia

- **YBhg. Dato' Prof. Dr. Alias Daud**
Naib Canselor
- **Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- **Prof. Dr. Abdul Manaf Ali**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- **En. Nurul Huda @ Ariffin Muda**
Pendaftar
- **En. Baharin Salim @ Abdullah**
Bendahari

Sidang Pengarang Buletin UDM

- **Hasrom Haron**
Editor / Pengerusi
- **Azizah Endut**
Timbalan Editor
Dekan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Ahli Sidang Pengarang

- **Dr. Abdul Hakim Abdullah**
Pegawai Khas, Naib Canselor
- **Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi**
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- **Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat**
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- **Anuar Cornelius Abdullah McAfee**
English editor, Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- **Ismail Musa**
Timbalan Pendaftar
- **Rosliza Abdul Razak**
Unit Komunikasi Korporat
- **Aduka Mohd Ariffin**
Jurufoto, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- **Zurina Mansor**
Setiausaha Pusat Penerbitan

Buletin UDM diterbitkan dua kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Darul Iman Malaysia.
Hak cipta 2009
Editor, Pusat Penerbitan, Kampus KUSZA, Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu
Tel 09-665-3615 Faks 09-667-3896
Emel: hasrom@udm.edu.my
Tel 09-665-3608 (Setiausaha)
aniruzurina@yahoo.com
Laman web: <http://udm.edu.my>

Retreat Pengurusan Tertinggi bersama Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab UDM, 23-25 Januari 2010, Kuala Terengganu

Pada 23-25 Januari lalu telah berlangsung Retreat UDM yang disebutkan di atas dengan dirasmikan oleh YBhg Dato' Prof. Dr. Alias Daud, Naib Canselor UDM. Retreat ini menghimpunkan semua pegawai pengurusan tertinggi UDM dan juga ketua-ketua PTJ UDM.

Ada beberapa langkah yang diambil dalam retreat ini. Pertamanya membentangkan pencapaian dalam semua aspek pembangunan universiti dalam tempoh 2007-2009. Kedua, ketua-ketua PTJ yang utama, khususnya Dekan Fakulti dan Pusat telah membentangkan perancangan 2010 dan jangka pendek 2010-12. Retreat ini juga dilihat sebagai menilai pencapaian dan halatujuh berdasarkan pelan induk asas UDM.

Diantara hasil yang penting daripada Retreat UDM ini ialah pelaporan Bidang Keberhasilan Utama yang dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Pelaporan itu meliputi bidang meluaskan akses dan ekuiti; pengajaran dan pembelajaran; kebolehpasaran graduan; MYBRAINS15; memperteguhkan penyelidikan dan inovasi; memperkasakan IPT; mempergiatkan pengantarabangsaan; dan mengukuhkan sistem penyampaian.

Sesungguhnya Retreat UDM itu telah dapat mengukuhkan iltizam semua kakitangan UDM bersama pengurusan tertinggi bagi meneguhkan visi dan misi UDM. UDM diharap kelak akan menjadi universiti yang unggul berteraskan alam sekitar pantai timur yang penuh cabaran pendidikan, penyelidikan dan pasaran.

Berikut adalah beberapa pencapaian dan sasaran yang dipetik daripada laporan tersebut yang menunjukkan kemajuan dan halatujuh UDM dalam tempoh 2009-2012:

Perkara/tahun	2009	2010	2011	2012
Bilangan tempat sarjana muda baru	946	1085	1490	1690
Bilangan program pengajian	33	36	42	50
Nisbah pensyarah dengan pelajar	1: 15	1: 14	1: 13	1: 12
Bilangan pensyarah pemegang Ph.D	47	60	68	101
Jumlah staf mendapat gran penyelidikan				
a. modal universiti	48	63	88	111
b. geran nasional	7	15	29	33
c. geran antarabangsa	1	3	6	7
Enrolmen pelajar baru	2006/07	2007/08	2008/09	2009/10
Diploma	3605	3072	2678	2292
Sarjana muda	446	967	1579	2315
Jumlah terbitan				
Rencana dalam jurnal berwasit	82	142	188	249
Rencana dalam jurnal onn-citation-index	11	28	46	63
Jumlah penulis buku	7	16	24	35
Bab / tajuk dalam buku	18	26	34	44



Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Islam adalah al-Din yang serba lengkap dan menyeluruh dalam pelbagai lapangan hidup iaitu aspek aqidah, syariah dan akhlak. Rasulullah telah menerima daripada Allah satu risalah lengkap tersebut melalui wahyu al-Quran al-Karim yang merupakan sumber rujukan utama Islam. Kemudian, Rasulullah diperintahkan untuk menyampaikannya kepada seluruh umat manusia di samping mempraktikkan ajaran-ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran itu. Akhirnya, Islam diwarisi secara turun temurun dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sebagaimana asalnya tanpa sebarang keraguan dan syak wasangka.

Salah satu daripada paksi utama yang menegakkan binaan Islam ialah akhlak. Akhlak dalam Islam mempunyai kedudukan yang istimewa di mana al-Quran telah memuji kemuliaan akhlak yang dipamerkan Rasulullah sebagaimana firman Allah maksudnya: Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia, (*Al-Qalam: 4*).

Ditambah lagi, Rasulullah telah menetapkan tujuan utama kebangkitannya mendukung agenda perjuangan risalah Islam adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak terpuji sebagaimana sabdanya yang bermaksud: Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak yang terpuji, (*Hadis riwayat Imam Malik*).

Dalam erti kata lain, akhlak Islam tidak dapat dipisahkan dalam setiap gerak geri kehidupan manusia tidak kira sama ada dalam hubungannya dengan Allah mahupun hubungannya sesama manusia, malah ia merupakan antara hikmah yang paling utama di sebalik pensyariatannya sesuatu ibadat dalam Islam.

Sebagai contohnya, solat fardu yang diwajibkan Allah telah dijelaskan hikmahnya di sebalik pensyariatannya mendirikan solat sebagaimana firman Allah maksudnya: Dan dirikanlah solat (dengan tekun), sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar, (*Al-Ankabut: 45*).

Begitu juga hikmah amalan zakat melalui firman Allah yang bermaksud: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya kamu membersihkan mereka (dari dosa) dan mencucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu

menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui, (*Al-Taubah: 103*).

Ringkasnya, ruang lingkup akhlak dalam Islam adalah mencakupi seluruh kehidupan kerana akhlak merupakan simbol kepada amalan kerja dan perlakuan di dalam hidup. Justeru amalan menolong orang lain adalah akhlak, kerja untuk menyara dirinya dan ahli keluarganya juga adalah akhlak, beriman kepada Allah dan menyembahNya adalah akhlak. Pendek kata, kesemuanya itu termasuk dalam erti kata kebajikan sebagaimana firman Allah maksudnya: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat tetapi kebajikan itu ialah beriman seseorang kepada Allah, hari akhirat, segala malaikat, segala kitab, sekalian nabi; dan mendermakan seseorang akan hartanya -sedang dia menyayangnya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, kepada orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan solat serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan), dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa, (*Surah al-Baqarah, ayat 177*).

Selanjutnya, sesuatu amalan kebajikan tidak diambil kira kecuali dengan asas iman dan ibadat. Kebajikan itu ialah akhlak dan akhlak itu adalah kebajikan. Amalan kebajikan sama ada untuk masalah individu mahupun untuk masalah ramai termasuk dalam maksud akhlak. Begitu juga muamalah yang baik dengan makhluk lain termasuk dalam pengertian akhlak. Manakala, amalan menyakiti makhluk lain adalah amalan tidak berakhlak. Sabar mendepani kesulitan hidup dan segala musibah yang menimpa adalah termasuk dalam akhlak.

Dalam erti kata lain, akhlak yang baik ialah tabiat atau perangai yang lahir pada diri seseorang seperti lemah lembut, pemurah, sabar dan sebagainya, tetapi harus diingat bahawa orang yang kelihatan baik perangnya belum tentu dia berakhlak. Ini kerana akhlak itu

merupakan buah daripada amal ibadat yang didorong oleh iman. Iman itu kekuatan yang menguatkan jiwa dan juga pendidikan yang menjadikan manusia berakhlak terbilang dan berpekerti luhur.

Ini berbeza dengan etika yang merupakan peraturan dan disiplin yang perlu dipatuhi oleh seseorang manusia dalam waktu tertentu. Oleh sebab itu, seorang pekerja terpaksa patuh dengan etika kerja di tempat kerjanya. Selepas waktu kerja, dia bebas daripada peraturan tersebut. Akhlak yang baik pula merupakan sifat yang baik lahir daripada amal ibadat dan didorong oleh iman yang berlangsung selama hayat manusia demi mengharap keridaan ilahi.

Justeru, untuk berakhlak baik merupakan satu perkara yang sukar bagi sebahagian manusia. Oleh sebab itu, seorang Muslim dituntut melakukan Mujahadah al-Nafs iaitu melawan hawa nafsu dan Tazkiah al-Nafs iaitu membersihkan diri daripada sifat-sifat yang keji seperti hasad dengki, buruk sangka, sombong, bakhil dan sebagainya. Hasil daripada gilapan iman yang sempurna, akan terhasillah akhlak yang mulia dan indah.

Perlu ditegaskan bahawa akhlak Islam bukan hanya sekadar dipraktikkan dalam lingkungan sesama Islam, bahkan hendaklah dipamerkan keindahan akhlak Islam kepada bukan Islam agar mereka sama-sama menghayati keindahan Islam mudah-mudahan hati mereka kelak akan terbuka untuk menerima Islam sebagai cara hidup mereka. Lebih dari itu, Islam tidak pernah melarang untuk berbuat baik atau berakhlak mulia kepada bukan Islam, terutamanya dalam perkara yang berkaitan dengan kebajikan dan masalah umat. Ini ditegaskan Allah lewat firmanNya yang bermaksud: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil, (*Al-Mumtahinah: ayat 8*).

Demikianlah skop akhlak Islam yang cukup menyeluruh dalam segenap aspek kehidupan ummah sejagat. Hanya akhlak Islam sahaja penyelesaian ampuh bagi segala krisis dan kemelut sosial yang melanda umat Islam dewasa ini. Akhlak Islam merupakan hasil amal ibadat yang berterusan di samping kemantapan iman yang bertapak kukuh dalam jiwa sanubari.

Kepentingan Portfolio Akademik Kepada Pensyarah Universiti

Prof. Dr. Zulkifli Bin A. Manaf

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

PENGENALAN

Sesuatu produk jika hendak dikenali umum dan dipasarkan secara meluas perlu ada rancangan pengiklanan yang terancang dan berterusan agar pengguna sentiasa ingat dan mencari produk tersebut untuk kegunaan mereka. Kepakaran, pengetahuan dan perkhidmatan seseorang ahli akademik di sesebuah universiti perlu juga diiklan dan diperagakan agar masyarakat dapat mengetahui dan memperolehi manfaat daripada kepakaran mereka dari semasa ke semasa. Perkara ini adalah berdasarkan kepada andaian masyarakat bahawa ahli akademik berada di barisan hadapan pengetahuan terkini dalam bidang atau disiplin masing-masing kerana mereka menjalankan penyelidikan berterusan untuk menjana pengetahuan baru. Hubungan masyarakat akademik dengan orang ramai ini walaupun telah lama terjalin, namun usaha yang lebih agresif dan lestari perlu diwujudkan agar pengembangan ilmu dan kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan. Salah satu cara untuk menyuburkan hasrat ini ialah menerusi pembentukan portfolio akademik bagi pensyarah universiti.

Portfolio akademik merupakan butiran lengkap tentang diri dan kepakaran seseorang pensyarah itu. Ini meliputi kelayakan akademik, penjurusan kepakaran dan latihan khusus yang telah diperolehi, kenyataan kronologi perkhidmatan, pengalaman kerja perundingan dengan agensi dan organisasi yang dikenali, penyelidikan yang telah dijalankan, penyelidikan yang sedang dijalankan, kursus yang diajar dipelbagai program, senarai terbitan yang dihasilkan, senarai persidangan yang telah dihadiri, senarai penyeliaan pelajar pasca siswazah yang telah lulus dan yang sedang diselenggarakan dan khidmat masyarakat yang telah dilakukan dan yang sedang berlangsung. Ini akan membolehkan masyarakat akademik dan juga masyarakat umum merujuk kepada kepakaran mereka bila-bila masa difikirkan perlu.

Disamping itu maklumat peribadi, seperti nombor telefon, faksimili, alamat, emel, website, blogspot, jabatan, fakulti dan institusi. Boleh juga dimasukkan maklumat hobi dan kegiatan senggang dan santai, sukan dan rekreasi pensyarah tersebut. Ini penting dibuat supaya orang ramai dapat mengenali seseorang pensyarah itu dengan lebih dekat. Secara tidak langsung kegiatan ini mencerminkan peribadi dan personaliti pensyarah tersebut. Ada juga yang

menyertakan kenyataan falsafah peribadi yang hendak dikongsi dengan masyarakat yang merujuk kepada portfolio akademik pensyarah tersebut. Seeloknya disertakan gambar peribadi dan juga gambar aktiviti yang relevan dengan kepakaran dan peribadi pensyarah.

Perkara seterusnya adalah bagaimana maklumat ini dapat diakses oleh orang ramai dan pihak pengurusan tinggi di institusi pengajian tersebut. Dikebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia dan juga di luar negara menyediakan kemudahan ini untuk semua pensyarah untuk memuatkan portfolio akademik mereka di portal akademik atau ruang khas untuk tujuan tersebut. Perkara ini diperlukan dari semasa ke semasa untuk tujuan memantau kegiatan akademik dan perkembangan profesional pensyarah untuk urusan kenaikan pangkat dan pembaharuan kontrak kerja bagi mereka yang berkenaan. Diperhatikan juga bahawa penyediaan portfolio akademik ini adalah salah satu dari elemen yang perlu disediakan oleh calon untuk penilaian tahap kecekapan (PTK) di semua peringkat di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia buat masa ini.

Portfolio akademik ini penting untuk disediakan oleh pensyarah kerana ini adalah salah satu cara kita boleh dikenali oleh masyarakat yang ingin mendapatkan khidmat pakar, kerja-kerja konsultasi, penyelidikan kolaborasi, perkhidmatan sebagai pemeriksa luar tesis pascasiswazah dan juga sebagai panduan bagi pelajar untuk memilih penyelia yang sesuai untuk pengajian pascasiswazah mereka. Semoga dengan adanya usaha untuk membina portfolio akademik ini kita semua akan dapat dikenali oleh masyarakat luar dan dengan secara tidak langsung akan dapat menaikkan nama Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) ini di persada akademik serantau dan antarabangsa.



Lawatan Dr. Costas Karatzas Sumbangan BIMB

Dr. Costas Karatzas dari Universiti Megrill, Montreal, Canada telah mengadakan lawatan ilmiah berkaitan penyelidikan bioteknologi dan perubatan ke Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Kampus Kota pada 12 dan 13 Januari 2010.

Pada hari pertama, beliau telah mengadakan lawatan ke makmal antaranya, Makmal Mikrobiologi, Makmal Biokimia, Makmal Anatomi Haiwan, Makmal Tisu Kultur dan Makmal Penyelidikan Siswazah. Bersama beliau ketika lawatan tersebut ialah wakil Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM), Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Dekan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Dekan Fakulti Teknologi Makanan (FTM), Timbalan Pengarah Pascasiswazah dan juga pegawai-pegawai UDM.

Pada hari kedua, Dr. Costas Karatzas memberi ceramah bertajuk Biosteel (Spider Silk) and Biopharmaceuticals produced by Animal Bioreactors dalam seminar yang diadakan di Dewan Teater, UDM Kampus Kota. Seramai 60 orang kakitangan dan pelajar UDM menghadiri seminar tersebut. Antaranya kakitangan FPSK, FPB, FTM dan juga pelajar Pascasiswazah. Turut hadir pada seminar tersebut ialah Naib Canselor UDM, Dato' Prof. Dr. Alias Daud.

Penyerahan Wang Zakat Pendidikan oleh Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menyerahkan wang zakat pendidikan berjumlah RM 30,000 kepada Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) untuk disalurkan kepada pelajar yang layak menerimanya. Penyerahan zakat tersebut dilakukan oleh Pengurus Besar BIMB, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh kepada Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Alias Daud dalam satu majlis ringkas di Bilik Mesyuarat LPU, UDM, baru-baru ini.

BIMB sebagai institusi kewangan yang mengamalkan prinsip perbankan Islam, memperuntukkan sejumlah zakat pendidikan untuk diagihkan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih.

Dalam majlis itu juga, Dato' Prof. Dr. Alias mengucapkan terima kasih kepada pihak BIMB kerana menyerahkan zakat tersebut dan agihan akan diberikan kepada pelajar yang memerlukannya.

"Saya amat berterima kasih kepada BIMB atas penyerahan wang zakat ini dan berharap kerjasama yang terjalin selama ini akan berterusan," katanya. Menurutnya, sumbangan ini juga sebagai salah satu komitmen dan tanggungjawab sosial BIMB untuk memajukan agenda pendidikan negara.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UDM, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad, Pendaftar UDM, En. Nurul Huda @ Ariffin Muda, Bendahari UDM, En. Baharin Salim dan juga wakil dari Pusat Tanggungjawab UDM. Antara yang dibincangkan dalam majlis itu, peluang-peluang kerjasama yang boleh dilakukan antara pihak bank dan universiti pada masa akan datang.



MOU dengan Kementerian Kesihatan Malaysia

Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) melalui Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK) telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) baru-baru ini.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut adalah untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) dan telah berlangsung di Kolej Universiti MAHSA, Kuala Lumpur.

UDM telah diwakili oleh Naib Canselornya, Dato' Prof. Dr. Alias Daud manakala KKM pula telah diwakili oleh Dato' Dr. Noor Hisham Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah kementerian tersebut.

Dengan termeterainya perjanjian ini, UDM mendapat kerjasama sepenuhnya daripada KKM untuk menggunakan fasiliti yang terdapat di semua hospital dan klinik kesihatan di Terengganu terutamanya Hospital Sultanah Nur Zahirah di Kuala Terengganu dalam meningkatkan lagi kemahiran di kalangan pelajar-pelajar MBBS.

Turut hadir menyaksikan perjanjian tersebut ialah Ketua Setiausaha KKM, Dato' Sri Dr. Mohd Nasir Mohd Ashraf dan Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif selaku Dekan FPSK.

Pada majlis itu juga Kolej Universiti MAHSA dan Management and Science University (MSU) turut memeterai perjanjian mereka dengan kementerian.

Pengajaran dan Pembelajaran

PUSAT PENATARAN ILMU

Perbincangan Pemurnian Hasil Pembelajaran Kursus Universiti

Perbincangan ini yang diadakan pada 12 Februari 2009 bertujuan memberi pendedahan tentang penyediaan hasil pembelajaran [LO] dan Student Learning Time [SLT] kepada semua pensyarah kursus universiti yang terlibat. Ia juga dapat menjelaskan kaedah pengisian matrik jam belajar pelajar (SLT) setiap kursus secara terperinci. Turut diberi pendedahan tentang pengiraan SLT dengan menganggarkan jumlah jam belajar pelajar bagi setiap kursus. Kebiasaannya, sebanyak 15-16 jam kredit bagi setiap semester. Justifikasi jam kredit bagi sesuatu kursus dinilai berdasarkan jumlah jam belajar pelajar. Mengikut Malaysian Qualification Framework (MQF), pembahagian kredit dibuat mengikut student study based bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan. Secara keseluruhan, para pensyarah sangat berpuas hati kerana mendapat pendedahan yang lebih meluas berkaitan hasil pembelajaran kursus universiti.

Taklimat Nama/Kod Kursus Universiti untuk Buku Panduan Pelajar 2009/10

Taklimat yang diberikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu mengenai nama dan kod kursus universiti kepada wakil dari setiap Pusat Tanggungjawab bagi mengelakkan sebarang kesalahan memasukkan maklumat kursus universiti dalam buku panduan fakulti masing-masing di samping mengelakkan masalah pendaftaran kursus universiti oleh pelajar setiap fakulti.

Taklimat Ringkas Penilaian dan Pengukuran untuk Pensyarah Kursus Universiti 2009/10

Taklimat ringkas penilaian dan pengukuran untuk pensyarah kursus universiti yang disampaikan oleh Prof. Dr. Zulkifli A. Manaf dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam diadakan pada 2 April 2009. Antara kandungan taklimat tersebut

adalah pendedahan terhadap konsep pengukuran dan pentaksiran serta perbezaan keduanya sebagai asas pengetahuan bagi setiap pensyarah. Taklimat ini juga diserikan dengan sesi soal jawab pensyarah dan penceramah bagi memantapkan lagi pengetahuan yang sedia ada.

Bengkel Pengurusan Kewangan Pelajar

Pusat Penataran Ilmu telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Kewangan Pelajar dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bertarikh 30 Jun 2009 (Selasa) dan fasilitator jemputan ialah Puan Vijaya Sundramoorthy. Objektif utama bengkel ini diadakan bagi mendedahkan kepada para peserta pengurusan kewangan yang lebih baik dan serta teknik pengurusan kewangan mengikut perancangan yang betul. Teknik ini juga boleh disampaikan kepada para pelajar terutamanya bagi kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan.



PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH

Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Kemasukan Disember 2009/2010

Pusat Pengurusan Pascasiswazah Universiti Darul Iman Malaysia telah menerima kemasukan pelajar baru bagi sesi Disember 2009/2010 pada 28 Disember 2009. Kaunter pendaftaran yang dibuka di Pejabat Pusat Pengurusan Pascasiswazah telah menerima pendaftaran daripada 17 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai bidang pengajian. Jumlah ini melibatkan seramai 14 orang pelajar Sarjana dan 3 orang pelajar Doktor Falsafah. Ini menjadikan jumlah enrolmen Pelajar Pascasiswazah Universiti Darul Iman Malaysia seramai 98 orang merangkumi 74 orang pelajar Sarjana dan 24 orang pelajar Doktor Falsafah.



Program Khidmat Masyarakat

PUSAT ISLAM

Program berkhatan

Pusat Islam dengan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) serta Pusat Kesihatan, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) menganjurkan Program Berkhatan yang bertema 'Mewarisi Generasi Sihat dan Soleh' pada 11 Disember 2009 bertempat di Masjid UDM dan Pusat Kesihatan UDM, Kampus KUSZA.

Program yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Islam iaitu Encik Azhar Yaacob mendapat perhatian masyarakat setempat dan warga universiti berdasarkan jumlah peserta seramai 42 orang dan secara tidak langsung menggambarkan keharmonian yang wujud di kalangan masyarakat setempat dengan universiti.

"Saya amat terkejut dengan penyertaan yang melebihi sasaran jawatankuasa masjid dimana kita menganggarkan seramai 40 orang pada penganjuran kali pertama ini" katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Alias Daud dan Dekan Fakulti Reka Bentuk dan Inovasi, Encik Noordin Asimi Mohd Nor serta staf Pusat Islam dan FPSK selaku urusetia program.

Program berkhatan ini dikendalikan oleh tiga orang pakar perubatan UDM iaitu Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif, Dr. Aminuddin Abdul Rahman serta Prof. Dr. Nordin Simbak dan beberapa pembantu perubatan dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Program dibahagikan kepada dua sesi iaitu seramai 20 orang untuk sesi pagi dan 22 orang pada sesi petang.

Peserta-peserta bagi program ini terdiri daripada pelajar-pelajar daripada 16 buah sekolah sekitar Terengganu dan Kelantan. Peserta yang paling muda menyertai program ini adalah berusia lima tahun, Muhammad Hasif Afifi Azhar.

Program yang berjalan dengan meriah ini diharapkan dapat memajukan masyarakat ke arah meningkatkan keimanan dan ketaqwaan serta mampu untuk mengeratkan hubungan silaturrahim seluruh warga universiti serta masyarakat setempat dan yang paling diharapkan adalah semoga program ini mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Kem Cakna Solat & Qiamullail

KUALA TERENGGANU – Pusat Islam melalui Biro Belia, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) menganjurkan Kem Cakna Solat dan Qiamullail dengan bertemakan 'Solat Pemangkin Insan Dinamik' pada 30 dan 31 Mei 2009 bertempat di Masjid UDM, kampus KUSZA.

Program yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Islam iaitu Encik Azhar Yaacob mendapat perhatian masyarakat sekitar dan warga universiti berdasarkan jumlah peserta seramai 62 orang melebihi bilangan peserta yang dianggarkan iaitu 50 orang sahaja.

Kem Cakna Solat ini dikendalikan oleh tiga orang penceramah luar dan dalam UDM iaitu Ustaz Mizan Muhamad Nor, Ustaz Anas Mohd Yunus serta Ustaz Suhaimi Mohamad dan beberapa orang fasilitator serta ahli jawatankuasa Biro Belia selaku urusetia program. Program ini dibahagikan kepada empat sesi iaitu sesi pagi, petang, malam dan pagi keesokannya.

Peserta tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar 10 buah sekolah yang berada di sekitar Terengganu. Peserta yang menyertai kem ini dalam lingkungan umur 12 hingga 18 tahun.

Program yang berjalan dengan meriah ini diharapkan dapat memajukan masyarakat ke arah meningkatkan kefahaman tentang teori dan praktikal solat disamping dapat mempertingkatkan lagi keimanan dan ketaqwaan serta mampu untuk mengeratkan hubungan silaturrahim seluruh warga universiti dengan masyarakat setempat dalam mengimarahkan masjid.



MAJLIS PENYERAHAN PITA RAKAMAN BUKU UDM-PERTIS TARIKH: 17 NOVEMBER 2009 (SELASA)

FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM (FKI)

Sumbangan Bahan Bacaan Agama kepada Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Terengganu

Harapan dan impian Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Wilayah Terengganu untuk menambah bahan bacaan agama tercapai apabila Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) melalui Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menyerahkan pita rakaman buku kepada persatuan tersebut pada 17 November 2009.

Pita yang dirakamkan oleh 114 orang pelajar Jabatan Dakwah, FKI itu adalah untuk memenuhi tanggungjawab UDM menyalurkan bahan-bahan dakwah kepada orang kurang upaya (OKU) penglihatan dalam bentuk 40 judul buku agama yang merangkumi pelbagai tajuk dan bidang seperti akidah, ibadah, akhlak, pemikiran dan juga isu-isu semasa.

Timbalan Naib Canselor (TNC) Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Abdul Manaf Ali telah menyerahkan rakaman tersebut bersama wang tunai sebanyak RM1000 kepada Yang Dipertua PERTIS, Mohd Fauzi Mansor pada satu majlis yang diadakan di Dewan Persidangan, UDM Kampus KUSZA.

Pada majlis itu juga, turut diadakan sesi dialog antara ahli PERTIS dengan pihak UDM. Pelbagai pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh pihak PERTIS untuk tindakan UDM dalam merealisasikan hasrat untuk memasyarakatkan universiti menerusi kerja-kerja amal dan khidmat masyarakat.

Pihak PERTIS juga melahirkan rasa bangga dengan penglibatan UDM dalam usaha membantu meningkatkan penghayatan nilai-nilai Islam dikalangan OKU. Menurut mereka, usaha ini bukan sahaja dapat mendekatkan UDM dengan masyarakat tetapi juga mampu melatih bakal graduan dakwah yang dapat menguasai aspek teori dan praktikal menerusi kerja-kerja sosial.

Hadir sama pada majlis itu ialah Dekan FKI, Prof. Dr. Abdul Hadi Zakaria, Yang Dipertua PERTIS Malaysia, Mohamed Ismail, kakitangan dan pelajar UDM.



Penyelidikan, Seminar dan Bengkel

SEMINAR GOOD LABORATORY PRACTICE (GLP) 2009

Dalam merealisasikan moto yang menjadi pegangan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) selama ini iaitu 'Ilmu Demi Faedah Insan', Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UDM, telah mengadakan seminar bertajuk *Good Laboratory Practice (GLP) 2009* baru-baru ini.

Seminar yang diadakan di Hotel Permai Inn itu adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada penyelidik dan pensyarah mengenai GLP ataupun 'Amalan Baik Makmal' dan seterusnya mengamalkannya.

Di samping itu juga, ia dapat mendedahkan mereka kepada aktiviti dokumentasi penyelidikan dan ini adalah salah satu usaha mengimplementasi GLP di institusi penyelidikan di negara ini.

Seminar sehari tersebut telah disempurnakan perasmianya oleh Dato' Prof. Dr. Alias Daud.

Sebanyak 42 orang wakil dari institusi-institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Masterskill, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan International Medical University (IMU).

Sementara itu, Naib Canselor dalam ucapannya berkata, beliau bagi pihak universiti sangat mengalu-alukan penganjuran seminar sebegini kerana ianya dapat membantu meningkatkan keupayaan penyelidik dalam memperkayakan lagi bidang penyelidikan.

"Di samping itu, dengan adanya penganjuran majlis

seumpama ini ianya adalah sebagai kesinambungan dalam meneruskan misi universiti menjadi universiti penyelidikan yang bertaraf dunia pada satu hari kelak," ujar beliau.

Pada seminar ini juga, tiga ceramah mengenai GLP telah disampaikan oleh dua orang penceramah yang mempunyai pengalaman cukup luas dalam bidang ini.

Wakil dari Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Prof. Dr. Hasenah Ali telah memberikan dua ceramah iaitu *Introduction to Good Laboratory Practice* dan *Organisational Structure & Documentation of GLP*. Seorang lagi penceramah ialah Prof. Dr. Hapizah Mohd Nawawi telah menyampaikan ceramah bertajuk *Implementation of GLP In Research Settings*.

Turut hadir pada majlis perasmian ialah Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UDM, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UDM, Prof. Dr. Abdul Manaf Ali dan Ketua PPPI, Prof. Madya Dr. Mohamed Senawi Mohamed Tamin.



KOLOKSIUM SAINTIFIK 2009

Satu Kolokium Saintifik 2009 telah diadakan di Dewan Teater, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Kampus Kota pada 13 Disember 2009. Program tersebut adalah anjuran bersama Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH), Pusat Rundingan dan Pengabdian Masyarakat (PRPM) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UDM.

Seminar ini memuatkan empat siri ceramah dan perbincangan antara Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan para pengkaji herba UDM.

Program dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UDM, Prof. Dr. Abdul Manaf Ali ini berjaya mengumpulkan sebanyak 86 peserta termasuk ahli akademik dan juga kakitangan UDM.



Antara penceramah yang terlibat ialah Dr. Zakiah Ismail (IMR), Prof. Dr. Md Nordin Lajis (UPM), Prof. Dr. Zhari Ismail dan Prof. Dr. Asmah Rahmat (UPM).

Selain dapat meningkatkan keupayaan dan kepakaran penyelidikan di UDM menerusi kajian praklinikal dan klinikal yang memerlukan penglibatan manusia dalam situasi sebenar, program ini juga dapat menentukan kajian produk herba yang dilakukan oleh UDM adalah mengikut garis panduan penyelidikan yang diiktiraf dan beretika.

Ia juga menjadi tempat perkongsian pendapat dan percambahan idea-idea baru di kalangan para penyelidik dari institusi-institusi lain dengan ahli akademik dan para penyelidik UDM dalam memantapkan lagi aktiviti penyelidikan di UDM.



PUSAT PENGURUSAN PASCASISWAZAH

Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah

Bengkel Penyeliaan Pascasiswazah telah diadakan di Bilik Persidangan, UDM Kampus KUSZA pada 7 hingga 8 Februari 2009. Antara pengisian menarik dalam bengkel ini adalah sesi *Code of Conduct Supervisors*, Penyeliaan dalam Sains Sosial, Penyeliaan dalam Konteks Multidisiplin, Penyeliaan dalam Pengajian Islam dan Pengurusan Penyeliaan Sistem Pelajar yang Berkesan. Bengkel ini yang telah disertai oleh 40 orang telah dijayakan oleh beberapa orang penceramah yang berpengalaman di dalam bidang penyeliaan iaitu Prof. Dr. Abdul Manaf Ali, Prof. Dr. Abdul Hadi Zakaria, Prof. Madya Dr. Mohd Asyraf A. Rahman dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Wan Yusoff Wan Sulaiman dan Dr. Ahmad Zuhdi Ismail dari Universiti Malaya (UM).

Ceramah Akademik: *Using Postgraduate Students to do Research and Obtain Grant*

Pada 14 Februari 2009, Pusat Pengurusan Pascasiswazah telah mengadakan Ceramah Akademik bertajuk *Using Postgraduate Students to do Research and Obtain Grant* bertempat di Bilik Persidangan, UDM Kampus KUSZA. Sesi ceramah ini telah menerima penyertaan daripada 31 orang peserta. Antara tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk memberi input jelas kepada penasihat pelajar tentang pentingnya penyelidikan bersama pelajar mereka. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Fauzias Mat Nor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Secara keseluruhannya, program tersebut telah berjalan dengan lancar dengan pelbagai input berguna disampaikan oleh penceramah tersebut.



8TH MALAYSIA GENETICS CONGRESS

Pelajar Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Nurul Asma Hasliza Zulkifly berjaya memenangi tempat kedua kategori poster terbaik di 8th Malaysia Genetics Congress pada 4 hingga 6 Ogos 2009.

Kertas kerja beliau yang bertajuk *Monochloroacetic Acid Biodegradation by Locally Isolated Presumptive Bacillus sp. TW1* telah dipilih daripada 98 poster yang dipertandingkan. Pertandingan poster ini telah dinilai oleh penilai-penilai profesional yang telah lama bergiat dalam penyelidikan ilmu genetik.

UDM telah menghantar sembilan wakil daripada Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) yang diketuai oleh Prof. Mohd Noor A. Ghani dan telah membentangkan enam kertas kerja.

Kongres dengan tema 'Role of Genetics in Wealth Creation and Quality of Life' itu telah diadakan di Awana Genting Highland, Golf & Country Resort. Bengkel ini adalah anjuran bersama Persatuan Genetik Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Sebanyak 200 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, saintis, penyelidik, penggubal polisi dan pelajar-pelajar universiti di seluruh negara telah menyertai bengkel tersebut.

Kongres yang dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Ongkili juga merupakan medan perkongsian dan percambahan idea-idea baru di kalangan peserta dalam memantapkan lagi penyelidikan genetik di Malaysia.

Antara penceramah terkenal yang menjadi tumpuan peserta pada kongres kali ini ialah penerima anugerah Nobel Laureate, Prof. Dr. James Watson yang menemui struktur deoxyribonucleic acid (DNA).

Selain beliau, para peserta juga berpeluang mendengar ceramah umum yang disampaikan oleh Datin Paduka Prof. Dr. Khatijah Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Presiden Persatuan Genetik Malaysia, Prof. Dr. Mohamad Osman.

BENKEL PENYEMBELIHAN HALAL

Fakulti Teknologi Makanan (FTM) dan Pusat Rundingan & Pengabdian Masyarakat, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah mengadakan Bengkel Penyembelihan Halal 2009 pada 10 hingga 11 Ogos lepas.

Bengkel dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu (JPVTRG) telah disempurnakan perasmianya oleh Naib Canselor UDM, Dato' Prof. Dr. Alias Daud.

Majlis yang diadakan di Dewan Teater, UDM Kampus Kota itu telah dihadiri oleh 28 orang peserta dan tujuan diadakan bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai penyembelihan haiwan mengikut hukum syarak.

Dengan adanya bengkel ini, segala maklumat mengenai kepentingan penyembelihan halal dalam konteks kesihatan

umum serta teknologi semasa penyembelihan yang terdapat di Malaysia dapat disalurkan kepada masyarakat.

Selain daripada taklimat serta penerangan yang diberikan oleh wakil JHEAT dan JPVTRG, para peserta juga dimestikan untuk membuat praktikal penyembelihan. Aktiviti penyembelihan ini telah diadakan di Makmal Pemprosesan Makanan FTM dan Kompleks Rumah Sembelihan di Gong Badak.

Para peserta juga diwajibkan untuk menduduki ujian lisan sebelum layak diberikan sijil penyembelihan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Halal Negeri Terengganu dan sijil ini diperakukan oleh semua negeri di Malaysia.

Sementara itu, majlis perasmian penutup telah dilakukan oleh Dekan FTM, Prof. Dr. Che Abdullah Abu Bakar yang mewakili Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UDM, Prof. Dr. Abdul Manaf Ali.



SEMINAR ANTI DADAH

Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah mengadakan Seminar Anti Dadah IPTA 2009 peringkat Zon Pantai Timur pada 9 Oktober 2009.

Seminar yang diadakan di Dewan Al Muktafi Billah Shah, UDM Kampus KUSZA itu telah disempurnakan perasmian penutupnya oleh Dekan HEPA, Nordin Jusoh. Turut hadir adalah wakil daripada pihak kementerian iaitu Ahmad Khuzaimi Bakri dan Muhamad Iswadi Tuzir.

Seramai 143 pelajar dari lima buah institusi pengajian tinggi yang hadir pada seminar tersebut, antaranya ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kuala Terengganu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Machang, Kelantan, Kolej Inforana, Kuala Terengganu dan Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kuala Terengganu.

Dua ceramah oleh pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Terengganu yang mengisi agenda seminar meliputi tajuk 'Dadah Mengancam Manusia' disampaikan oleh Saufi Yusof. Manakala ceramah kedua telah disampaikan oleh Arzmi Abdullah dibawah tajuk 'Kesan Penyalahgunaan Dadah'.

Ceramah yang disampaikan secara paparan video dan penerangan ringkas mendapat maklumbalas baik daripada peserta yang berminat mengutarakan pelbagai soalan.

Seminar yang diuruselia oleh unit Pembangunan Pelajar serta Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian HEPA, UDM berjalan lancar dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada wakil kementerian yang hadir oleh Dekan HEPA UDM.



Perpustakaan UDM

CERAMAH PERSEDIAAN MELAKSANAKAN PIAWAIAN MS ISO 9001:2000

Ceramah Persediaan Melaksanakan Piawaian MS ISO 9001:2000 telah diadakan pada 22 Disember 2009 bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Pentadbiran UDM, Kampus KUSZA, UDM. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh YM. Cik Sharifah Akmal binti Syed Abdul Rahman, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT.

Objektif ceramah ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam konsep ISO 9001:2000, menjelaskan keperluan dalam merancang dan melaksana ISO 9001:2000 dan membantu dalam melaksanakan ISO 9001:2000.



BENGGEL PERKHIDMATAN MAKLUMAT UNTUK KAKITANGAN BUKAN AKADEMIK UDM

Bengkel Perkhidmatan Maklumat Untuk Kakitangan Bukan Akademik telah diadakan pada 14 Disember 2009 bertempat di Bilik Auditorium Perpustakaan UDM, Universiti Darul Iman Malaysia, Kampus KUSZA. Seramai 40 orang kakitangan bukan akademik telah menyertai bengkel ini.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam menggunakan segala perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan UDM kepada kakitangan bukan akademik.

Taklimat mengenai 'Pengenalan dan Perkhidmatan di Perpustakaan UDM' telah disampaikan oleh Encik Mohd Sabri bin Muda dan taklimat mengenai 'Strategi Pencarian Maklumat di dalam Internet' disampaikan oleh Tuan Haji Ghazali bin Mat Jamil.



Fokus Fakulti

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah diperakukan penubuhannya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mulai Januari 2007 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi Bil. 1/2007 pada 29 Januari 2007.

Pejabat Pentadbiran Fakulti Bahasa dan Komunikasi terletak di Blok Umar, UDM Kampus KUSZA. Pentabiran FBK diketuai oleh Dekan dan Timbalan Dekan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi mempunyai tiga jabatan iaitu Jabatan Bahasa Inggeris, Jabatan Bahasa Melayu, dan Jabatan Bahasa

Arab. Setiap Jabatan diketuai oleh seorang Ketua Jabatan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi mempunyai 50 orang kakitangan akademik dan tujuh orang kakitangan pentadbiran dan sokongan.

FBK menawarkan dua program iaitu Ijazah Sarjana Muda Bahasa

Inggeris Dengan Kepujian dan Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL). Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan lulusan Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) di peringkat separa profesional dan membantu melatih bakal-bakal guru bahasa Inggeris memenuhi keperluan tenaga pengajar dan keperluan pelajar terlatih di peringkat ijazah. Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris ditawarkan selaras dengan keperluan bahasa Inggeris dalam negara

dan peringkat antarabangsa. Program ini diharap dapat menampung serta memenuhi keperluan negara dalam pelbagai sektor pendidikan dan komunikasi. Jabatan bahasa Inggeris diketuai oleh Puan Sharifah Nor Madiah binti Syed Omar.

Selaras dengan misi dan visi UDM untuk menjadi sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa pihak universiti telah menawarkan beberapa bahasa asing untuk pelajar. Antaranya bahasa Arab, Perancis, Mandarin, Vietnam dan Thai. Bagi tujuan itu, FBK mempunyai guru bahasa asing dari China, Vietnam dan Thailand. Program bahasa asing ini dikendalikan oleh Jabatan Bahasa Melayu yang diketuai oleh Puan Hajah Wan Faridah binti Wan Sembok. Dalam memperkayakan bahasa ibunda kita iaitu bahasa Melayu, FBK telah menawarkan beberapa subjek bahasa Melayu bagi tujuan tersebut antaranya Bahasa Melayu Komunikasi, Pemikiran Kritis dan Pengantar Penterjemahan. Subjek ini dapat membantu para pelajar dalam penggunaan tatabahasa dan cara untuk berkomunikasi dengan berkesan.

UDM adalah sebuah universiti yang 'misha'nya berasaskan Islam. Dalam hal ini FBK mendokong hasrat universiti untuk melahirkan para graduan yang multilingual. Tumpuan juga diberi kepada bahasa Arab. Bahasa ini ditawarkan bukan sahaja kepada pelajar di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam malah terbuka kepada semua pelajar UDM. Ketua Jabatan Arab diketuai oleh Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh dan dibantu oleh lima orang pensyarah dan empat orang felo.

Selain daripada itu, FBK juga menawarkan program peringkat sarjana dan doktor falsafah dalam bidang bahasa, linguistik dan pengajaran bahasa (Arab dan Inggeris). FBK



Dari Kiri Puan Nashirah binti Hussin, Zuliha Bai Hai Ping, Siti Fatimoh Ibrohen dan Nguyen Thi Quynh Anh

Dari Kiri Rihmah Ma Yanfang, Suwita Keeya, Le Thi Minh Hieu dan Puan Aziah binti A. Bakar



Pleasurable and Educational Experience With Delegates



Presentation at TEFL

juga akan menjadi pusat rujukan untuk bahasa-bahasa ASEAN pada masa akan datang.

Beberapa penyelidikan dalam bidang bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bidang Komunikasi telah dijalankan oleh kakitangan akademik FBK. Antaranya penyelidikan dalam bidang bahasa Inggeris yang telah dijalankan ialah oleh Dr. Ee Chop Ler bertajuk 'Using Mnemonics to Teach ELT/ EFL'. Kajian ini telah dibentangkan di seminar bertajuk 'Creativity and Collaboration in English Language Teaching and Learning in Asia' yang telah diadakan pada 7 hingga 9 Ogos 2009 bertempat di The Imperial Part Hotel, Bangkok Thailand. Satu lagi seminar antarabangsa yang dihadiri oleh Dr. Ee Chop Ler ialah di Agro Wisata, Malang pada 8 – 10 Disember 2010. Beliau telah membentangkan laporan penyelidikan bertajuk 'Using Mnemonics to Teach Young Learners' di seminar 'INTERNATIONAL CONFERENCE 2009 TEFLIN56 (The Association of Teachers of English as a Foreign Language in Indonesia'.


Dalam bidang bahasa Arab satu kajian bertajuk 'Hubungan Tahap Pencapaian Bahasa Arab' dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Berasaskan Model Kognitif dan Sosial

Kognitif dalam Kalangan Pelajar UDM telah dijalankan oleh Dr. Kamarul Shukri bin Mat Teh dan telah diebentangkan di dalam seminar '2nd Call for Papers International Conference on Communication and Environment : Transformation for a Sustainable Tomorrow' yang telah diadakan pada 9 hingga 10 Disember 2009 di Pulau Pinang.

Dalam bidang komunikasi pula satu penyelidikan bertajuk 'Beyond the Rankings : Brand Leadership Strategy for Excellent Corporate Reputation' telah dijalankan oleh Encik Noor Azizi bin Borhan. Penyelidikan ini telah dibentangkan di dalam seminar antarabangsa bertajuk '13th International Conference on Corporate Reputation, Branding, Identity and Competitiveness' yang diadakan di Amsterdam, Netherlands pada 28 hingga 30 Mei 2009.

Beberapa orang kakitangan FBK juga telah terlibat dalam kajian alam sekitar yang dijalankan di sekitar UDM Kampus Besut dan UDM Kampus KUSZA. Kajian ini telah diketuai oleh Encik Cornelius Anuar Abdullah McAfee.






The Visiting Falcon

Anuar McAfee

- *Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

In 1785, John James Audubon, a new resident of America, conducted an experiment that set the foundation for much of the scientific research carried out on wildlife today. He noticed that birds nesting on his farm would disappear over the winter months and return again in the spring. He wanted to know if it was the exact same birds that returned each year. To find out, he tied a light string around their legs. When the birds returned the following spring, they still had the string attached to their legs. Audubon proved that migrating birds often return to the same location year after year. Similar 'banding' experiments are now conducted by the scientific community throughout the world to track wildlife movements. And today, the Audubon Society has become one of the largest environmental NGOs in America. What does all this have to do with University Darul Iman Malaysia you might ask? Each year, a variety of birds migrate through our campus. Some stay for months at a time, feeding in the fields before returning north in the spring. Little known to most staff and students at UDM however, is the story behind one individual migrating bird on campus, a Peregrine Falcon. Like the birds Audubon observed returning to his farm each year, the Peregrine Falcon regularly returns to UDM. For the past six years, the falcon has arrived at its roost, the UDM mosque minaret, on exactly the same date, October 13. It can be seen there daily, and remains on campus until late April, when it leaves to return to its nesting grounds in Japan. The fact that the falcon migrates thousands of kilometers each year, and can return to the exact same spot on campus, on the exact same day, is testament to the wonders of nature around us. The Peregrine Falcon, 35-50cm in length, with a grey back, barred breast and dark facial mask, is a very interesting bird. This falcon is the fastest animal in the

world, clocking speeds approaching 400km/h in a stoop dive. Peregrine Falcons are top predators, feeding on other birds. They have the widest natural range of any bird species, and can be found on every continent except Antarctica. Their population in North America however was almost completely destroyed in the 1970's due to the over use of pesticides. Environmental awareness led to the banning of dangerous pesticides and saved the bird from near extinction. The next time you pass the UDM mosque, stop and look up. When you see the medium grey raptor perched high on the minaret ledge, you will be able to call it "our" Peregrine Falcon. And thanks to Audubon's early experiments, you will know that it is the same individual bird that travels the great distance between Japan and UDM to return to our campus each year.



JOURNAL OF AGROBIOTECHNOLOGY

VOLUME 1, JANUARY 2010

ISSN 1985-5133

PHYTATE-DEGRADING ENZYME AND ITS POTENTIAL BIOTECHNOLOGICAL APPLICATION: A REVIEW
Anis Shobirin Meor Hussin

PRODUCTION OF PHYTATE-DEGRADING ENZYME FROM MALYSIAN SOIL BACTERIA USING RICE BRAN CONTAINING MEDIA
Anis Shobirin Meor Hussin

CYTOTOXICITY AND IMMUNOMODULATORY EFFECTS OF DAMNACANTHAL AND NORDAMNACANTHAL ISOLATED FROM ROOTS OF MORINDA ELLIPTICA
Noorjahan B. M. A., A. M. Ali, Yeap S. K., Suhaimi M., N. H. Lajis, Ho W. Y., Ismail N. H. and Mashitoh A. R.

APPLICATION OF THE PROTIDE STRATEGY TO SOME NOVEL NUCLEOSIDE ANALOGUES
Alshaimaa Hassan Abdallah and McGuigan C.

DETERMINATION OF FLUROXYPPYR-MHE IN CLAY SOIL DURING DRY AND WET SEASON
Halimah Muhammad, Nashriyah Mat, Ismail Sahid and Tan Yew Ai

VARIATION OF SPECIFIC GRAVITY IN ACACIA MANGIUM
Lokmal N. and Mohd Noor A. G.

INHIBITORY EFFECT OF KANAMYCIN ON IN VITRO CULTURE OF LYCOPERSICON ESCULENTUM MILL CV. MT11
Siti Suhaila A. R. and Saleh N. M.

BASAL MEDIA FOR IN VITRO GERMINATION OF RED-PURPLE DRAGON FRUIT HYLOCEREUS POLYRHIZUS
Rodziah Kari, Ahmad Lutfi Lukman, Rokiah Zainuddin and Hafzah Ja'afar



Journal of Agrobiotechnology Volume 1

- PHYTATE-DEGRADING ENZYME AND ITS POTENTIAL BIOTECHNOLOGICAL APPLICATION: A REVIEW
Anis Shobirin Meor Hussin, Abd-ElAzim Farouk & Hamzah Mohd Salleh
- PRODUCTION OF PHYTATE-DEGRADING ENZYME FROM MALYSIAN SOIL BACTERIA USING RICE BRAN CONTAINING MEDIA
Anis Shobirin Meor Hussin, Abd-ElAzim Farouk, A.M. Ali and R. Greiner
- CYTOTOXICITY AND IMMUNOMODULATORY EFFECTS OF DAMNACANTHAL AND NORDAMNACANTHAL ISOLATED FROM ROOTS OF MORINDA ELLIPTICA
Noorjahan B. M. A., A. M. Ali, Yeap S. K., Suhaimi M., N. H. Lajis, Ho W. Y., Ismail N. H. and Mashitoh A. R.
- APPLICATION OF THE PROTIDE STRATEGY TO SOME NOVEL NUCLEOSIDE ANALOGUES
Alshaimaa Hassan Abdallah and McGuigan C.
- DETERMINATION OF FLUROXYPPYR-MHE IN CLAY SOIL DURING DRY AND WET SEASON
Halimah Muhammad, Nashriyah Mat, Ismail Sahid and Tan Yew Ai
- VARIATION OF SPECIFIC GRAVITY IN ACACIA MANGIUM
Lokmal N. and Mohd Noor A. G.
- INHIBITORY EFFECT OF KANAMYCIN ON IN VITRO CULTURE OF LYCOPERSICON ESCULENTUM MILL CV. MT11
Siti Suhaila A. R. and Saleh N. M.
- BASAL MEDIA FOR IN VITRO GERMINATION OF RED-PURPLE DRAGON FRUIT HYLOCEREUS POLYRHIZUS
Rodziah Kari, Ahmad Lutfi Lukman, Rokiah Zainuddin and Hafzah Ja'afar

JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari

Jil. 2, Julai 2009/Rejab 1430

ISSN 1985-7667

- Hijrah Rasulullah S.A.W
Satu Sorotan dari Sudut Siyazah Modal Insan
Wan Mohd Yusof Wan Chik, Hasanulddin Mohd Basri Ibrahim & Rohaizan Baru
- Kedudukan Syair Dalam Islam
Sofyuddin Yusof
Mohd Faiz Hakimi Mat Idris
Nik Murshidah Nik Din
- Beberapa Asas Ajaran Tasawuf Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif
Abdul Manam Mohamad
- Dhikr Ismi al-Dhat: Tuntutan Amalannya dalam Al-Quran
Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Engku Ibrahim Engku Wok Zin
Mohd Shahril Othman & Razali Musa
- Perkembangan Awal Ilmu Qira'at
Mohd A'Tarahim Mohd Razali, Abdillah Hisham Abd. Wahab & Mohd Shaifulbahri Abdullah
- Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam
Siti Sa'adiyah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar
- Kefahaman tentang Ihdad di Kalangan Wanita Muslim Bandar Dungun
Syh Noorul Madiah Syed Husin
- Perbandingan antara Sistem Cukai Kharaj dengan Cukai Tanah Konvensional
Normadiah Daud
- Ciri-ciri Motivasi dalam Surah al-Mukminun Ayat 1-11
Anas Mohd Yunus, Mohd Rahim Ariffin & Mohd Shafie Hamzah

Penerbitan Kontemporari Islam
UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA
"Ibu Deni Faedah Insan"

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Gong Badang
21300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman, Malaysia
<http://www.udim.edu.my>

Direktori di Malaysia oleh
Penerbitan Yayasan Islam Terengganu
Lot SK 53, Kawasan Perindustrian
21300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Penerbit
UDIM



Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Jilid 2

- Hijrah Rasulullah s.a.w., Satu Sorotan Siyazah Modal Insan
Wan Mohd Yusof Wan Chik, Hasanulddin Mohd, Basri Ibrahim & Rohaizan Baru
- Kedudukan Syair dalam Islam
Sofyuddin Yusof, Mohd Faiz Hakimi Mat Idris & Nik Murshidah Nik Din
- Beberapa Asas Ajaran Tasawuf Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif
Abdul Manam Mohamad
- Dhikr Ismi al-Dhat: Tuntutan Amalannya dalam Al-Quran
Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Mohd Shahril Othman & Razali Musa
- Perkembangan Awal Ilmu Qira'at
Mohd A'Tarahim Mohd Razali, Abdillah Hisham Abd Wahab & Mohd Shaifulbahri Abdullah
- Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam
Siti Sa'adiyah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar
- Kefahaman tentang Ihdad di Kalangan Wanita Muslim Bandar Dungun
Syh Noorul Madiah Syed Husin
- Perbandingan antara Sistem Cukai Kharaj dengan Cukai Tanah Konvensional
Normadiah Daud
- Ciri-ciri Motivasi dalam Surah al-Mukminun Ayat 1-11
Anas Mohd Yunus, Mohd Rahim Ariffin & Mohd Shafie Hamzah